

Isu kemusnahan hutan bagai tiada penghujung

H. Metro m/s 12 5/4/07

FOTO | Ramli Ibrahim

>>Oleh Isma Ismail
isma@hmetro.com.my

MENGGONDOL dan menarah bukit secara tidak terkawal bukan baru, malah tiada noktahnya.

Tindakan penguat kuasa pula hanyalah bermusim sedangkan bencana yang berlaku akibat kerakusan manusia daripada kegiatan itu terus terjadi dan dibongkar media.

Aktiviti terbabit yang kebanyakan dilakukan secara terbuka agak sukar diterima akal sekiranya pihak berkaitan tidak mengetahuinya.

Terbaru, isu penerokaan tanah yang didakwa secara tidak terkawal yang berlaku di Lojing, Gua Musang di Kelantan mencetuskan isu serius hingga mendapat perhatian Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra.

Dalam titahnya sempena Hari Keputeraan Ke-57 baru-baru ini, baginda kluatir aktiviti tidak terkawal itu boleh menyebabkan ancaman banjir besar serta menda-tangkan kesan buruk kepada alam sekitar.



PENCEMARAN...penduduk Orang Asli melihat air sungai di Lojing yang keruh.

Malah, baginda menegaskan kegiatan berkenaan akan mendedahkan kawasan terbabit kepada hakisan serta kepanasan suhu.

"Pada akhir-akhir ini, sungai utama yang dulunya

mempunyai aliran baik dan airnya jernih kini bertukar menjadi semakin cetek dengan kualiti yang semakin teruk, nampak berkelodak dan keruh," titahnya.

Keprihatinan baginda itu

bersandarkan kepada kerakusan manusia meneroka kawasan hutan tanpa mempedulikan sensitiviti alam sekitar yang kini menjadi antara faktor perubahan cuaca dunia.



Akhir-akhir ini sungai utama yang dulunya mempunyai aliran baik dan airnya jernih kini bertukar menjadi semakin cetek dengan kualiti air semakin teruk, nampak berkelodak dan keruh"

Tuanku Ismail Petra
Sultan Kelantan

Selain menjejaskan keadaan cuaca dunia, turut menjadi 'mangsa' adalah hidupan liar apabila habitatnya dileroka.

Sebagai bukti, harimau (Panthera Tigris) yang dianggap lambang kemegahan

rapa kes serangan gajah di beberapa kampung di Kelantan, Pahang dan Terengganu yang dilaporkan.

Dipercayai kejadian itu juga dikatakan berpunca daripada kemusnahan habitatnya hingga menyebabkan haiwan terbesar di darat itu masuk ke penempatan manusia.

Selain haiwan, turut menjadi mangsa terhadap penerokaan tanah hutan secara tidak terkawal adalah kelompok Orang Asli seperti yang berlaku kepada puak di tanah tinggi Lojing.

Orang Asli mendakwa dengan aktiviti sedemikian menyebabkan penempatan dan aktiviti harian mereka terjejas.

Itu realiti yang berlaku terhadap hutan kita, situasi yang sama juga berlaku di kawasan pembangunan di bandar besar dalam negara.

Kejadian tanah runtuh berhampiran Pangsapuri Fasa 11 Presint 9, Putrajaya yang didakwa berpunca daripada peningkatan tekanan air pada cerun bukit.

Nasib baik kejadian itu tidak menyebabkan kehilangan nyawa kepada penduduk tetapi peristiwa itu patut

anggap lambang kemegahan dan gagah perkasa kini mengalami kepupusan yang serius di negara ini akibat habitatnya dimusnahkan.

WWF-Malaysia mendakwa haiwan itu yang kini hanya terdapat 490 ekor di seluruh negara menghadapi dua ancaman jangka panjang iaitu pemusnahan habitat dalam skala yang besar serta mangsa semulajadinya secara drastik.

Menurut WWF-Malaysia, aktiviti pertanian dan penebangan hutan untuk perdagangan balak serta pembangunan memaksa harimau hanya mendiami hutan kecil yang masih wujud.

Haiwan berkenaan memerlukan kawasan luas untuk hidup dan fenomena berkenaan menyebabkan hanya sebilangan kecil mampu bertahan untuk terus hidup.

Selain kemusnahan habitat, harimau merana disebabkan kekurangan makanan semula jadi seperti rusa liar, kambing hutan dan babi hutan.

Pengurangan haiwan itu juga disebabkan habitatnya turut musnah angkara kerakusan manusia.

Itu tidak termasuk bebe-

ngan nyawa kepada penduduk, tetapi peristiwa itu patut menjadi iktibar dalam mengejar pembangunan.

Tidak salah kita mengejar kemajuan agar negara tidak terpinggir daripada arus permodenan dunia tetapi seharusnya keperluan alam sekitar jangan dipandang ringan.

Sudah bermacam-macam malapetaka melanda negara kita termasuk tsunami, banjir besar, ribut dan tanah runtuh.

Saranan Sultan Kelantan yang mahu kerajaan negeri berhati-hati dengan cadangan perniagaan yang memabitkan aktiviti pembalakan dengan hanya memikirkan keuntungan semata-mata tanpa mengambil kira kesan buruk kepada alam sekitar seharusnya tidak ditujukan kepada Kelantan sahaja.

Ia wajar direnung semua pihak kerana masalah alam sekitar dihadapi semua negeri di Malaysia.

Ingatlah, kita hanya menumpang di bumi dan jangan hanya kerana kegagalan kita menguruskan alam sekitar dengan baik menyebabkan generasi akan datang berhadapan pelbagai risiko.